

**Presiden PAS: Najib tak faham konsep negara berkebijakan Pakatan**  
**The Malaysian Insider**  
**09 Oktober , 2011**  
**Oleh G Manimaran**

KUALA LUMPUR, 9 Okt – PAS mendakwa Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak tidak memahami konsep negara berkebijakan yang dibawa oleh Pakatan Rakyat apabila terus 'menyindir' langkah pihaknya termasuk yang terbaru ketika membentangkan Bajet 2012 kelmarin.

Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang (gambar) berkata, paling penting beliau harus memahami tiga ciri asas negara berkebijakan yang hampir tidak dilaksanakan oleh pemerintahan Barisan Nasional (BN) sehingga kini.

"Pertamanya negara berkebijakan mestilah ditadbir oleh pemerintah yang berintegriti atau beriman dan juga rakyat yang berintegriti," kata beliau.

Kata Hadi, dengan membazirkan wang rakyat untuk membayar bil air dan elektrik rumah Perdana Menteri berjumlah jutaan ringgit tidaklah menggambarkan pemimpin yang berintegriti.

"Keduanya negara berkebijakan mestilah bercirikan kerajaan yang wajib memberi pertolongan kepada rakyat yang memerlukan secara adil.

"Ketiga, negara berkebijakan menekankan ciri kepimpinan yang beriman, berakhlak, menepati janji dan adil untuk semua," kata Hadi sambil menambah, "nampaknya Perdana Menteri yang membentangkan belanjawan ini sebagai Menteri Kewangan gagal sama sekali memahami apa yang dimaksudkan oleh PAS sebagai Negara Berkebijakan."

Malah kata beliau, tindakan kerajaan terus menafikan royalti minyak di Kelantan dan Terengganu sejak bertahun-tahun, jelas menggambarkan ciri pengkhianatan dan tidak menepati perjanjian, malah jauh sekali memenuhi ciri negara berkebijakan.

"Begitu juga dengan pemberian bantuan kepada rakyat yang bersifat bermusim dikala kerajaan memerlukan undi rakyat dan membiarkan rakyat tersepit dengan kenaikan harga barang dan petrol di luar waktu pilihanraya.

"Ini semua jelas kepada kita, hampir tiada ciri-ciri negara berkebijakan yang dilaksanakan oleh pemerintahan Barisan Nasional," kata Hadi lagi.

Hadi seterusnya berkata begitu juga dengan manipulasi sistem pilihan raya melalui undi pos, daftar pemilih yang kotor, penggunaan jentera kerajaan dan memberi kad pengenalan kepada warganegara asing untuk mengundi, jelas satu tindakan tidak berintegriti dan tidak amanah serta menutup pintu muhasabah oleh rakyat dalam pilihan raya.

"Ini hanya beberapa contoh jelas bahawa BN jauh sekali menepati konsep negara berkebijakan yang hendak dibawa oleh PAS.

"Oleh itu rakyat harus sedar bahawa 'negara berkebijakan' yang hendak dibawa oleh PAS bersama Pakatan Rakyat jauh lebih besar dan luas kerangkanya meliputi hak rakyat untuk

dilayan secara adil, agihan ekonomi yang adil, hak bepolitik secara bebas, keperluan sosial yang wajib dipenuhi, pemimpin dan rakyat yang berintegiti dan seterusnya membentuk Malaysia yang sejahtera dalam semua aspek, bukan sekali-kali bersifat pemberian habuan bersifat sementara di masa rakyat diperlukan semata-mata," kata beliau lagi dalam satu kenyataan.

Hadi mengetengahkan dasar negara berkebajikan ketika berucap pada muktamar tahunan PAS Jun lalu.

Bagaimanapun pendekatan itu mendapat kecaman dan dikritik pemimpin-pemimpin Umno sejak itu.

Ini termasuklah ketika Najib, yang juga Presiden Umno ketika membentangkan Bajet 2012 di Parlimen kelmarin.

Antara lain Najib berkata, "kita kini mendengar pihak-pihak tertentu menguar-uarkan konsep negara berkebajikan. Kita ucapkan tahniah kepada mereka kerana baru sedar terhadap konsep negara kebajikan ini."

Namun, katanya, "kita minta mereka ada sedikit rasa keikhlasan politik, janganlah berlagak seolah-olah merekalah orang pertama yang menemui formula ini."

Sambil menyoal bukannya kerajaan BN sudah sejak sekian lama mengamalkan konsep negara berkebajikan, Najib berkata, keseluruhan subsidi bahan makanan asas ini menelan belanja RM2.3 bilion dan dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaya atau miskin, bandar atau luar bandar."

"Oleh yang demikian itu, kita ingin bertanya, tidakkah ini dinamakan negara kebajikan?" katanya lagi.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/presiden-pas-najib-tak-faham-konsep-negara-berkebajikan-pakatan/>